

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

10. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan dan menaik taraf Terminal Bas Sungai Nibong seperti Penang Sentral?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong merupakan terminal bas sementara yang telah dibina pada tahun 2005. Memandangkan kerja-kerja menaik taraf sesebuah terminal bas memerlukan peruntukan yang amat tinggi, Kerajaan Negeri menerusi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai perancangan untuk melaksanakan *Request For Proposal* (RFP) secara berfasa untuk menaik taraf pengurusan fasiliti termasuk sistem *e-ticketing* serta membangunkan sebahagian tanah MBPP iaitu kawasan tempat letak kereta MBPP sebagai Terminal Bas Sungai Nibong yang baharu.